

MEKANISME PENYEBARAN FAHAMAN SYIAH DI MALAYSIA

Penyebaran fahaman Syiah di Malaysia berlaku melalui:

1. Pengaruh individu dan aktiviti mereka

- Mohd Kamil Zuhairi Abd Aziz (Ketua Syiah Malaysia)
- Abdullah Hassan (Ketua Syiah Kedah)
- Hasil penyiasatan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bersama pihak polis dan JAKIM mendapati beberapa orang penyebar fahaman ini telah bergerak cergas dalam kelompok kecil untuk berkempen. Ini termasuklah gerakan secara individu oleh Syed Jaafar bin Abdul Hamid al-Sagoff yang telah didapati menyebarkan fahaman ini di Taman Permata dan Taman Melor di Hulu Klang.

2. Premis Syiah di Malaysia

- No. 9C & 11C, Jalan SG 3/16, Taman Sri Gombak, Batu Caves, 68100 Selangor.
 - Hauzah ar-Ridha bersempena dengan nama Imam Syiah yang ke-8 iaitu Ali al-Ridha bin Musa yang beralamat di No 9, Jalan SG 3/16, Taman Sri Gombak, 68100 Batu Caves, Selangor.
 - Kedudukan kawasan ini adalah agak strategik kerana ianya berada di sekitar kawasan pekan. Kebiasaannya kedudukan tempat perkembangan fahaman Syiah adalah di kawasan rumah kedai, dan hauzah ini juga bertempat di sebuah rumah kedai di tingkat 4 iaitu tingkat teratas sekali.
- No. 14-1A, Jalan UP 1/2, Taman Ukay Perdana, Ampang 68000 Selangor.
- No 2737, Jalan Changkat Permata, 53300 Taman Permata, Selangor.
 - Kedudukan tempat ini juga amat strategik kerana ia berada di kawasan pekan atau bandar di Hulu Klang.

3. Syarikat dan pertubuhan

- Hauzah Ali Ar-Ridha Resources di alamat No.11C, Jalan SG 3/16, Taman Sri Gombak, Batu Caves, 68100 Selangor. Syarikat ini menjalankan urusan perniagaan seperti mencetak, menjual alat tulis dan buku-buku.
- Hussainiyah Al-Hujjat di alamat No. 14-1A, Jalan UP 1/2, Taman Ukay Perdana, Ampang 68000 Selangor.
- Hauzah Ummu Abiha di Jalan Yadi, Klang (lokasi tidak dapat dikenal pasti).
- AMIN Research and Culture Centre, No. 314, Jalan 4, Taman Ampang Utama, 68000 Ampang, Selangor.
- Majlis A'la Talabah Malaysia (MA'LA), tidak berdaftar dengan Jabatan Pertubuhan Malaysia. Persatuan ini adalah sebuah badan pembimbing dan penasihat jamaah Ahlul Bait di Malaysia.
- Majma' Ahlul Bait Sedunia, alamatnya adalah sama dengan alamat Hauzah Ar-Ridha di Taman Sri Gombak. Persatuan ini juga tidak berdaftar dengan Jabatan Pertubuhan Malaysia.
- Majlis Syiah Malaysia di alamat No. 10-12, Jalan 4/4C, Desa Melawati, 53100 Kuala Lumpur.

4. Pembentukan hauzah-hauzah

- Menjana sumber ekonomi melalui aktiviti peniagaan.
- Menerima sumbangan daripada negara asing dan orang luar terutama daripada Negara Iran.
- Mengendalikan perniagaan di kalangan ahli mereka seperti agensi pelancongan haji dan umrah, air minuman kesihatan, kedai-kedai makan dan sebagainya.
- Menurut Kamil Zuhairi (2010: Temu Bual, 25 November), Hauzah Ar-Ridha yang terletak di Sri Gombak, Selangor adalah hauzah yang paling aktif di sekitar Selangor yang mana ianya juga boleh dikatakan menjadi pusat dan tunjang utama pergerakan fahaman Syiah.
- Hauzah ini bukan sahaja memainkan peranannya hanya ketika ada majlis-majlis kebesaran Syiah, tetapi ia turut menganjurkan kelas-kelas pengajian agama untuk semua peringkat umur dari sekolah rendah sehinggalah golongan yang berumur. Kelas-pengajian agama mereka ini berlangsung setiap hari yang mana mereka mengajarkan segala ajaran fahaman Syiah dari asas sehinggalah ke peringkat tinggi. Jika kita di sekolah rendah dahulu, dan sekolah sekarang juga, pada waktu pagi, kita akan menghantar anak ke sekolah akademik, dan di sebelah petangnya kita akan menghantar anak ke sekolah agama, sekolah agama itulah yang dihantar oleh golongan Syiah, anak-anak mereka yang masih muda ke sekolah yang terdapat di Hauzah Ar-Ridha ini dan juga di hauzah-hauzah yang lain.

BUKTI-BUKTI HUBUNGAN SYIAH-ZIONIS

1. • Iran sebuah negara Syiah yang mempunyai jumlah penduduk Yahudi kedua terbesar selepas Israel.
2. • Bangsa Yahudi hidup bebas dan tenang di Kota Tehran, Isfahan dan Shiraz berbanding dengan golongan Sunni yang sering ditindas.
3. • 1962-1979 : Kumpulan intelegens Israel mempunyai hubungan yang kuat dengan pegawai-pegawai Iran yang dilatih oleh tentera Israel.
4. • 1980-1983: Rejim Khomeini membelanjakan USD 500 juta untuk membeli senjata dan peralatan perang daripada Israel.
5. • 1981 : Iran dan Israel bekerjasama menyerang reaktor nuklear Iraq.
6. • 2003 : Briged Sadr iaitu tentera Syiah melindungi tentera Amerika Syarikat dari Kuwait ke Baghdad.
7. • Ulama Syiah Iraq melarang jihad menentang hegemoni Amerika Syarikat di Iraq.

FAKTOR-FAKTOR YANG MENYUMBANG PADA HUBUNGAN RAPAT SYIAH-ZIONIS

Hubungan Diplomatik

- Beberapa pemimpin berpengaruh Iran adalah berketurunan Yahudi.
- Wujud hubungan yang rapat antara pemimpin politik dan pemimpin agama beberapa negara pendukung Syiah dengan negara Zionis.
- Sebahagian daripada rabi-rabi senior Israel berasal dari Isfahan, Iran.
- Golongan Yahudi di Amerika Syarikat menjadi pelobi menghalang serangan ke atas nuklear Iran.

Hubungan Ekonomi

- Israel mempunyai hubungan ekonomi yang besar dengan Iran segi jumlah pelaburan dan perusahaan.
- Populasi Yahudi Iran di Israel melebihi 200,000 orang. Mereka berpengaruh dalam sektor perdagangan, kontraktor, politik dan ketenteraan.

Hubungan Ketenteraan

- Pemimpin pertahanan Israel adalah berketurunan Yahudi dan berasal dari Iran.
- Pemimpin ketenteraan dan pengusaha Israel selalu berhubungan dengan Iran secara teratur dan sulit untuk kerjasama ketenteraan, tetapi berpura-pura bermusuhan pada mata dunia.

Hubungan Sosial

- Jumlah sinagog Yahudi di Iran mencapai sekitar 200 buah, sedangkan Muslim Sunni yang berjumlah tiga juta orang tidak mempunyai sebuah masjid pun di Tehran.
- Yahudi di seluruh dunia melawat Iran kerana makam Benjamin, saudara Nabi Yusuf, makam Astro Mordechai yang disucikan oleh Yahudi serta makam Nabi Daniel dan Habakuk (kedua-duanya nabi Bani Israel).
- Yahudi menganggap Iran sebagai Tanah Cyrus yang menjadi penyelamat bagi mereka.

TERAS STRATEGI DOMINASI SYIAH

1.

- Menjalinkan kerjasama dengan kuasa Barat khususnya Amerika Syarikat dan Israel untuk menguasai negara-negara Islam.

2.

- Menyalakan api peperangan antara kelompok, melakukan pembersihan etnik, mengusir kelompok Ahli Sunnah Wal Jamaah serta membahagi-bahagikan wilayah untuk dikuasai kelompok Syi'ah.

3.

- Membunuh tokoh-tokoh Ahli Sunnah Wal Jamaah (ulama, akademia, panglima tentera, hakim dan sebagainya).

4.

- Melakukan penyamaran demografi sepertimana berlaku di Syria, Lebanon, Jordan dan Iraq.

5.

- Mencipta kesan-kesan rekaan dengan Zionis Israel bertujuan menaikkan kemarahan Israel sebagai alasan untuk menyerang negara-negara Islam sepertimana berlaku di Afghanistan dan Iraq.

STRATEGI DAN GERAK KERJA SYIAH-ZIONIS

1. • Merancang strategi dan berkomplot untuk memerintah negara-negara Islam yang lain.
2. • Mewujudkan rangkaian kerjasama dan pakatan sulit antara negara dan kuasa besar dunia (Syria, Israel, Rusia dan Amerika Syarikat).
3. • Mempergunakan Gerakan Amal Syiah dan Hizbullah sebagai topeng proses pembersihan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah di Beirut.
4. • Mendapatkan bantuan daripada Kerajaan Syiah Syria untuk menyingkir golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah di Tripoli (Lebanon Utara).
5. • Melembabkan kebangkitan Islam.
6. • Menjalinkan kerjasama dan kesepakatan dengan Israel secara sulit untuk bekalan persenjataan.
7. • Mewujudkan rangkaian parti-parti politik Syiah dengan arahan dan sokongan tokoh Syiah di Qom. Contoh: Parti Dakwah Islamiyyah (Iraq), Gerakan Amal & Hizbullah (Lebanon), Front Pembebasan Islam (Bahrain) dan Gerakan Houtsy (Yaman).
8. • Mengeksport revolusi menerusi usaha diplomasi secara halus dengan negara-negara Islam.
9. • Membentuk kumpulan Neo-Konservatisme di kalangan kumpulan Muslim progresif, golongan sufi dan golongan Syiah sebagai strategi dunia menerima Zionis.
10. • Menggilap pengaruh ulama dan para pemimpin Syiah yang berpotensi dengan menjanjikan kedudukan dan kuasa jika berjaya mendoktrinkan dan menerima agenda Neo-Konservatisme di kalangan penganut Syiah.

11.

- Menjadikan beberapa negara sebagai proksi menyusup masuk strategi dan agenda Syiah-Zionis ke negara-negara yang menutup pintu atau tiada hubungan diplomatik dengan Israel.

12.

- Mendominasi sektor-sektor kritikal seperti ekonomi (sumber asli, mata wang dan pasaran), teknologi dan ketenteraan untuk mewujudkan pergantungan dunia kepada negara-negara pendukung Zionis.

13.

- Mewujudkan pergolakan dan perpecahan di kalangan negara-negara Islam dan menimbulkan permasalahan nasional.

14.

- Membentuk agen-agen terselindung Syiah-Zionis di sebalik parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

15.

- Menggunakan pluralisme dan liberalisme sebagai strategi mendekati dan memudahkan penerimaan masyarakat.

16.

- Menyalurkan bantuan dan sokongan kepada golongan yang bermasalah dan memerlukan bantuan.

17.

- Meluaskan pengaruh dengan memfokus kepada negara-negara atau kawasan-kawasan yang penduduk Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah kelompok minoriti.

18.

- Mengambil peluang atas kelonggaran dasar sesebuah negara dalam melindungi kesucian Islam (undang-undang dan penguatkuasaan).

KONSPIRASI SYIAH SYRIA DAN AMERIKA SYARIKAT

1949

RAMPASAN KUASA DI SYRIA

- Amerika Syarikat dan CIA mengatur rampasan kuasa tentera yang pertama di Syria pada tahun 1949.
- Amerika Syarikat berjaya menyaingi dan melucutkan pengaruh Perancis dan British di Syria dalam Perang Dunia II.
- Amerika Syarikat dan CIA terus menyokong beberapa rampasan kuasa sepanjang 1950-an dan 1960-an untuk mengekalkan pengaruh dan kuasa.

1967

I. PENARIKAN PASUKAN TENTERA SYRIA DARI PERANG 1967

- Hafez al-Assad, Menteri Pertahanan Syria pada ketika itu telah mengeluarkan arahan penarikan tentera Syria dari Bukit Golan dalam Perang 1967 bagi melindungi Israel apabila wujud tanda-tanda kekalahan Israel.
- Sokongan Hafez al-Assad tersebut menyebabkan Amerika Syarikat memberi kepercayaan kepada Hafez al-Assad mempertahankan sempadan utara Israel selama tiga dekad.

II. SOKONGAN AMERIKA SYARIKAT KEPADA SYRIA BERHUBUNG RESOLUSI PBB 242

- Resolusi 242 disahkan selepas Perang 1967 (Syria-Israel).
- Pengiktirafan kepada Syria yang diberi hak ke atas Bukit Golan.

1973

PENGUKUHAN HUBUNGAN SYRIA-AMERIKA SYARIKAT

- Amerika Syarikat tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas Syria selepas Perang 1973 (Syria-Israel).
- Presiden Nixon melakukan lawatan ke Damsyik untuk mengukuhkan hubungan dengan Rejim Assad.

1976

PENGIKTIRAFAN AMERIKA SYARIKAT TERHADAP PENDUDUKAN SYRIA KE ATAS LEBANON

- Amerika Syarikat mendiamkan diri apabila Syria menyerang Lebanon dalam sebuah Perang Saudara.
- Pada 2005, Perancis mengeluarkan sebuah mandat supaya Syria keluar dari Lebanon tetapi Amerika Syarikat tidak memberi sebarang reaksi.

1989

PENJALINAN KERJASAMA AMERIKA SYARIKAT-SYRIA MENERUSI PERJANJIAN TA'IF

- Perjanjian Ta'if ditandatangani di Arab Saudi melibatkan puak-puak berbeza di Lebanon untuk menamatkan Perang Saudara.
- Amerika Syarikat dengan sokongan Perancis, Arab Saudi dan Mesir mengiktiraf Syria sebagai pemegang amanah ke atas Lebanon.

1991

SOKONGAN DAN KERJASAMA SYRIA KEPADA AMERIKA SYARIKAT MENYERANG IRAQ

- Syria menghantar 14,500 tentera untuk membantu Amerika Syarikat menyerang Iraq dalam *Operation Desert Storm*.



RUMUSAN ANCAMAN GEOPOLITIK DAN GEOSTRATEGI FAHAMAN SYIAH (DALAM KONTEKS SYIAH IRAN)

